

03 MAR 2002  
LEAD Adun-Meninggal  
ADUN KETARI MENINGGAL DUNIA

KUANTAN, 3 Mac (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Ketari, Pahang, Datuk Loke Koon Kam meninggal dunia pada kira-kira 3.30 petang ini di rumahnya di No 299, Taman Marong, Bentong.

Ketua Polis Daerah Bentong Supt Hasanudin Hasan ketika dihubungi Bernama mengesahkan kematian ADUN itu.

Hasanudin berkata mendiang, 60, dikatakan memberitahu isterinya Datin Alice Tan Pek Yee untuk berehat di biliknya selepas makan tengah hari.

Seketika kemudian, isterinya yang masuk ke bilik mendapati Loke mengalami sesak nafas dan segera menghubungi doktor.

Hasanudin berkata mendiang disahkan meninggal dunia pada kira-kira 3.30 petang. Turut bersama ketika mendiang menghembuskan nafasnya yang terakhir ialah isteri dan dua anak lelaki.

Sementara itu Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob ketika ditemui di kediamannya di sini menyifatkan kematian mendiang sebagai kehilangan besar kepada Barisan Nasional.

Adnan berkata beliau telah memaklumkan kematian mendiang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Wan Mohamed Razali Wan Mahussin.

"Mendiang didapati mengidap penyakit barah rahang sejak dua tahun lepas, iaitu kira-kira enam bulan selepas menang kerusi Ketari pada pilihan raya umum 1999," katanya.

Loke menjadi anggota Dewan Undangan Negeri sejak 1985.

Pada 1985 sebagai ADUN Karak, 1990 (Karak), 1995 (Ketari) dan 1999 (Ketari).

Pada 1999, mendiang menewaskan calon DAP Choong Siew Onn dengan majoriti sebanyak 231 undi.

Adnan berkata Loke adalah pengerusi Parti Gerakan Pahang.

Adnan berkata semasa mendiang mengalami masalah kesihatan, beliau dan anggota parlimen Bentong Liow Tiong Lai turut membantu menjalankan tugas bagi pihak mendiang.

Beliau menafikan desas-desus sebelum ini yang mengatakan mendiang telah mengemukakan surat peletakan jawatan.

-- BERNAMA

MS HIS ZB